

# “Persekitaran selamat, kanak-kanak sejahtera”

BH 31/10/00

Oleh Halina Mohd Noor

SETIAP kali menatap kisah kanak-kanak diculik, dicabul, dirogol dan dibunuh di dada akhbar, pelbagai perasaan bermain difikiran. Apa sudah jadi dengan dunia hari ini? Perasaan marah, geram, sedih dan sebagainya segera menyerbu di dada. Malah tidak kurang juga ibu bapa yang bimbang, takut jika perkara buruk ini menimpa anak sendiri. Justeru berkali-kali pesanan diberikan kepada mereka agar berhati-hati dengan orang asing apatah lagi yang kelakuannya mencurigakan.

Berdasarkan statistik, sebanyak 700 kes membabitkan kes penderaan kanak-kanak dilaporkan tahun lalu manakala perangkaan empat bulan pertama tahun ini pula sebanyak 139 kes yang sama dilaporkan. Penderaan itu membabitkan penderaan fizikal, emosi atau psikologi, diabaikan dan terdampar.

Laporan bagi empat bulan pertama tahun ini saja menunjukkan, bapa adalah pendera paling tinggi kepada kanak-kanak (anak), iaitu seramai 83 orang, diikuti ibu (75), saudara-

**Berdasarkan statistik, sebanyak 700 kes membabitkan kes penderaan kanak-kanak dilaporkan tahun lalu manakala perangkaan empat bulan pertama tahun ini pula sebanyak 139 kes yang sama dilaporkan. Penderaan itu membabitkan penderaan fizikal, emosi atau psikologi, diabaikan dan terdampar**

mara (24), bapa tiri (tujuh), pengasuh (13), ibu tiri (enam) dan yang lain termasuk adik-beradik, jiran, kekasih ibu atau bapa dan jiran.

Seperti tahun lalu, kerajaan sekali lagi menyambut perayaan Hari Kanak-kanak Sedunia bagi memberi penghormatan dan pengiktirafan masyarakat terhadap kanak-kanak dan haknya serta menyedarkan semua masyarakat terhadap tanggungjawab mereka

untuk memelihara hak dan masa depan golongan itu di negara ini.

Hari Kanak-kanak Sedunia disambut sejak 1959 manakala Malaysia adalah sebuah daripada 150 negara yang turut menyambut perayaan itu meskipun negara terus bergerak maju ke arah permodenan dalam pelbagai aspek.

Mengikut Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991, kanak-kanak dikategorikan mereka

yang berusia 18 tahun ke bawah. Setakat ini kira-kira 45 peratus penduduk di negara ini adalah kanak-kanak bawah usia 18 tahun.

Kanak-kanak tetap diberi perhatian khusus kerana mereka bakal menjadi pemimpin pelapis di masa hadapan. Sehubungan itu, undang-undang baru untuk melindungi kanak-kanak sedang dibahaskan. Rang Undang-Undang Kanak-kanak 2000 itu menganggap kanak-kanak lelaki juga turut menjadi mangsa penderaan dan pengabaian.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata, hukuman lebih berat perlu dikenakan ke atas mereka yang melakukan penderaan dan pengabaian ke atas

kanak-kanak yang semakin menjadi-jadi sejak akhir ini.

Disamping itu, kanak-kanak juga perlu dididik mengenai keselamatan diri. Kanak-kanak harus diajar dan dilatih mengenai cara untuk mengelakkan mereka daripada bahaya.

Namun, sejauh mana kanak-kanak memahami erti menjaga keselamatan diri mereka sendiri? Sempena hari Kanak-Kanak Sedunia yang bertemakan “Persekitaran Selamat, Kanak-Kanak Sejahtera”, *Wanita dan Keluarga* menemui beberapa orang kanak-kanak untuk mengetahui sejauh mana mereka faham mengenai keselamatan diri mereka sendiri, pencabulan dan apa yang boleh atau tidak boleh dilakukan oleh orang lain terhadap diri mereka.